



Sumbangan Dan Peranan KH. Abdul Hamid Dalam Kearifan Tempatan: Kajian Terhadap Kitab Tarjuman

Imamuddin¹
Abdul Karim bin Ali²

Abstrak

Kajian ini akan memperbahaskan pemikiran hukum KH. Abdul Hamid telah dituliskan dalam kitab Tarjuman (sekitar tahun 1800-1900 M). Kitab ini banyak dibaca oleh banyak kalangan mulai santri, ustaz, kiai sehingga masyarakat awam terutamanya di kabupaten Pamekasan Madura Jawa Timur. Kitab ini adalah kitab asas tauhid dan fiqh. Namun hukum-hakam fiqh yang lebih banyak diperbincangkan. Mulai daripada bab taharah, salat, puasa, zakat, warisan, muamalah, haji, pernikahan bahkan hukum halal-haram secara umumnya. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti sumbangan dan peranan KH. Abdul Hamid dalam kearifan tempatan yang beliau tuangkan dalam kitab Tarjuman. Untuk mencapai tujuan tersebut, pengkaji menggunakan metode kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Kajian ini mendapati adanya sumbangan pemikiran hukum beliau terhadap hukum karapan sapi (pacuan lembu). Sehingga menjadi solusi terhadap permasalahan masyarakat terutamanya di Pamekasan.

Kata Kunci: Pemikiran, KH. Abdul Hamid, Tarjuman, Karapan Sapi, Kearifan Tempatan

Abstract

This study will discuss the thought of KH. Abdul Hamid in the Kitab of Tarjuman (1800-1900 BC) on the subject of law. The Kitab of Tarjuman was extensively read by the students, scholars, sheikh and the society at large, particularly in the Pamekasan regency, East Java. The Kitab of Tarjuman is essentially the kitab of tawhid (oneness of God) and fiqh (Islamic jurisprudence). However, its extensively discuss the subject of fiqh. To name a few such as taharah (abolition), prayer, fasting, inheritance, pilgrimage, marriage, and the general discourse. The objective of this study is to identify the roles of the KH Abdul Hamid's thought in the Kitab of Tarjuman. To meet this objective, the researcher uses a qualitative method of library research. The study finds that the

¹ Imamuddin (Calon PhD), Penulis, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. email86resmi@gmail.com.

² Abdul Karim bin Ali, Prof. Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

thought of KH Abdul Hamid has crucial roles in following areas, such as karapan sapi (the festival of cow racing). Hence, the Kitab of Tarjuman introduced by KH Abdul Hamid can solves the social issues and problems in Pamekasan.

Keywords: *Thought, KH Abdul Hamid, Tarjuman, Karapan Sapi (The festival of cow racing), Local Wisdom.*

PENDAHULUAN

Tersebarnya agama Islam di Indonesia pada abad ke 14 M.³, ianya juga tersebar ke daerah-daerah lain di pelbagai pulau di persekitaran Jawa antaranya pulau Madura. Dari generasi kepada generasi dapat melahirkan generasi ulama di Madura seperti Shaykhona Kholil (1925 M.)⁴ di kabupaten⁵ Bangkalan dan KH.⁶ Abdul Hamid di kabupaten Pamekasan di daerah Banyuanyar Desa Poto'an Daya. KH. Abdul Hamid adalah salah seorang ulama yang mewarisi kepimpinan pondok pesantren Banyuanyar yang diasaskan pada tahun 1788 M.⁷ Bukan hanya mendidik dan mengajar para santri (pelajar pondok)⁸ tapi beliau juga berjaya menulis karyanya yang sekarang dikumpulkan menjadi sebuah kitab yang disebut dengan *Tarjuman*.

Kitab *Tarjuman* merupakan kitab asas agama Islam yang mengandungai pengajaran tuhid, fiqh dan yang lainnya. Selain masyarakat awam, kitab ini banyak digunakan dan diamalkan di kalangan santri pondok pesantren Banyuanyar dan juga di pondok-pondok pesantren yang masih ada ikatan keturunan zuriyat Kiai Ithbat serta keluarga besarnya. Daripada banyak perkara yang diterangkan dalam kitab *Tarjuman*, pengkaji berkeinginan sekali untuk membincangkan hukum karapan sapi kerana karapan sapi adalah satu-satunya budaya asli orang Madura dan disukai oleh masyarakat sama ada kanak-kanak ataupun dewasa bahkan pelancong daripada luar negara.⁹ Justeru karapan sapi

³ HAMKA, *Sejarah Umat Islam "Pesediaan Menyambut Islam di Tanah Jawa"*. (Singapura: Kerjaya Printing Industries Pte Ltd, 2002), 743.

⁴ Beliau adalah Shaykhona KH. Muhammad Kholil bin KH. Abdul Latief bin Hamim bin Abdul Karim bin Muhamram al-Bangkalani al-Maduri, lahir pada hari Selasa tanggal 11 Jumada al-Thaniyah 1235 H. (1834 M.) dan wafat dalam usia 91 tahun pada tarikh 29 Ramadan 1343 H. (1925 M.). Beliau termasuk ulama besar di Madura dan termasuk sesepuh Organisasi Islam "Nahdlatul Ulama" Indonesia, sebab beliau adalah guru kepada KH. Hasyim Asy'ari yang termasuk diantara pengasas sekaligus pimpinan "Nahdlatul Ulama" (NU) untuk kali pertama. Selain belajar agama di daerah Jawa Timur, beliau juga pernah belajar di Mekkah al-Mukarramah kepada mashayeqh-mashayeqh yang ada pada masa itu dan termasuk orang alim yang di waktu itu adalah al-Imam Nawawi al-Bantani al-Indunisi. Sila rujuk: Mokh. Syaiful Bakhri, "Syaichona Cholil Bangkalan Ulama dari Legendaris Madura". (Pasuruan-Indonesia: Penerbit Cipta Pustaka Utama, 2006), 21-46.

⁵ Di Indonesia, kumpulan daripada beberapa kecamatan disebut dengan kabupaten atau kota. Manakala kecamatan adalah kumpulan daripada beberapa kelurahan (kampung atau desa). Provinsi merupakan kumpulan daripada kabupaten (dan kota). *Kamus Bahasa Indonesia*. (Jakarta: Pusat Bahasa, 2008), 610, entri "kabupaten". *Kamus Dewan*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 649, entri "kabupaten".

⁶ Maksud daripada KH adalah Kiai Haji yang merupakan sebutan Tok Guru agama di Indonesia.

⁷ Imamuddin, "Solat Sunat Dalam Kitab Tarjuman Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks" (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2016), 23.

⁸ *Kamus Bahasa Indonesia*. 1363, entri "santri"

⁹ Nikris Riviansyah (2013), accessed Desember 09, 2018, <https://www.kompasiana.com/nikris/552e48c86ea834dd398b45cc/madura-dalam-keunggulan-budaya>

yang merupakan budaya atau tradisi orang Madura belum pernah dijumpai di daerah lain di Indonesia bahkan nusantara. Begitu ramai daripada kalangan ulama Madura serta kalangan intelektual yang meperbincangkannya sama ada mengikut cara pandang agama atau pun hukum perundang-undangan Indonesia. Oleh itu, pengkaji berkeinginan sekali untuk membincangkan hukum karapan sapi bagi mengetahui seberapa besar sumbangan dan peranan KH. Abdul Hamid dalam kearifan tempatan terhadap hal ehwal masyarakat. Objektif kajian ini adalah mengupas secara mendalam sirah kehidupan KH. Abdul Hamid dan metodologi penulisan kitab *Tarjuman* serta menganalisis hukum karapan sapi dalam kitab *Tarjuman*. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data daripada data sekunder yang bersumberkan daripada dokumen-dokumen bertulis dan data primer dengan mengadakan temu bual dengan responden yang terpilih.

Beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai persoalan hukum solat *Rebo Wekasan* sama ada yang berbentuk tulisan yang membincangkan sirah kehidupan KH. Abdul Hamid dan kitab *Tarjuman* termasuk juga perbincangan mengenai hukum karapan sapi. Antaranya sebuah disertasi ijazah sarjana syariah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Di dalamnya juga turut diperbincangkan tentang sejarah kehidupan KH. Abdul Hamid serta sejarah kitab *Tarjuman* yang dikarangnya.¹⁰ Begitu juga sejarah kehidupan beliau juga dihuraikan dalam disertasi master oleh Zainudin Syarif, yang sudah dicetak menjadi sebuah buku dengan tajuk *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*.¹¹

Sejarah awal munculnya karapan sapi merupakan mediasi dakwah antara ulama dan orang awam yang dikenalkan oleh Shaykh Ahmad Baidawi atau masyhur dengan gelaran Pangeran Katandur daripada pulau Sepudi, kabupaten Sumenep, yang menyebarkan Islam dan mengajarkan cara bercucuk tanam serta mengolah tanah dengan cara membajak dengan bantuan sapi. Namun sejarah ini sudah bergeser ke arah keduniaan dan status sosial semata-mata tanpa ada lagi berhubungkait dengan agama di dalamnya.¹² Impak daripada pergeseran nilai dalam karapan sapi masa kini mengandungi lebih banyak sisi negatif berbanding sisi positifnya. Oleh itu, menjadi tidak baik mempertahankan tradisi tersebut, kecuali dikembalikan pada tradisi aslinya.¹³ Meskipun karapan sapi merupakan sebuah tradisi, namun ada permainan tersembunyi di dalamnya iaitu permainan judi. Didapati hasil kajian sebuah disertasi sarjana muda bahawa perjudian dalam karapan sapi merupakan kejahanan yang diatur dalam pasal 303 ayat (1) KUHP jo. No. 7 tahun 1974.¹⁴

Karapan sapi merupakan budaya asli orang Madura dengan mengadu kelajuan sapi dalam sebuah pertandingan. Mana-mana sapi yang menang, akan mendapatkan hadiah yang besar. Namun, itu pun akan habis dikeranakan pembiayaan untuk ikut serta dalam pertandingan tersebut sangatlah mahal. Paguyuban atau perkumpulan orang-orang Madura mengakui bahawa hadiah yang didapat hanyalah untuk menjaga dan melestarikan

¹⁰ Imamuddin, “Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks”. ii.

¹¹ Zainudin Syarif, *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, (Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007).

¹² Imam Bonjol Juhari, “Ekonomi dan Prestise dalam Budaya Karapan Sapi di Madura”, *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture* (2016): 187-188.

¹³ Mohammad Kosim, “Kerapan Sapi; “Pesta” Rakyat Madura (Perspektif Historis-Normatif)”. *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture* (2007): 68.

¹⁴ R. Ardhi Eka Sukamantara, “Perjudian Dalam Karapan Sapi” (Disertasi Sarjana Muda, Fakultas Hukum Universitas Airlangga 2006), 45.

kebudayaan asli tanah Madura tersebut.¹⁵ Selain itu, karapan sapi merupakan bentuk solidariti yang kukuh di antara masyarakat Madura. Manakala solidariti adalah salah satu modal hubungan sosial yang baik antara masyarakat melalui anasir-anasir yang terbentuk daripada tindakan, perilaku, simbol dan perkataan. Perkara ini semua tercipta daripada proses-proses tertentu ketika akan dilaksanakannya pertandingan karapan sapi yang dimulai daripada tahapan persiapan, pada masa pertandingan dan selepas pertandingan.¹⁶

LATAR BELAKANG KH. ABDUL HAMID

Sejarah Hidup dan Keturunan



Gambar 1.0

Sekitar tahun 1810 M., KH. Abdul Hamid kecil dilahirkan di Banyuanyar. Seorang anak lelaki kepada Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq. Kiai Ithbat adalah pengasas pondok pesantren Banyuanyar dengan tujuan untuk mewujudkan cita-cita ayahnya iaitu Kiai Ishaq. Pondok pesantren Banyuanyar bermula sekitar tahun 1788 M. dan berusia sekitar 227 tahun sehingga kini.

Dengan berjalannya waktu, Kiai Ithbat berjaya mengajar anaknya (KH. Abdul Hamid) sehingga berlanjut belajar ke kota Mekah. Antara gurunya adalah Shaykh Nawawi al-Bantani.¹⁷ Pada tahun 1868 M., Kiai Ithbat wafat dan seterusnya kepimpinan pondok pesantren diganti oleh KH. Abdul Hamid. Pada tahun 1933 M., KH. Abdul Hamid meninggal dunia di Mekah¹⁸ ketika menunaikan ibadah haji¹⁹ dan dikuburkan di bahagian barat perkuburan al-Ma'la.²⁰

¹⁵ Amelia Ika Pratiwi *et. all*, Akuntansi Karapan Sapi Pada Masyarakat Madura Dengan Pendekatan Etnografi “Abstrak”. *Jurnal JIBEKA: Jurnal Ilmiah Bisnis dan Ekonomi STIE Asia*, (2016).

¹⁶ Kurnia Fahmi Astutik dan Sarmini, “Budaya Karapan Sapi Sebagai Modal Sosial Masyarakat Madura Di Kecamatan Sepulu Kabupaten Bangkalan”. *Jurnal Mahasiswa Unesa: Kajian Moral dan Kewarganegaraan* (2014): 324.

¹⁷ Zainuddin Syarif, “Konsep Pendidikan Téngkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman)”, *Nuansa (Jurnal Ilmu Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam- Institut Agama Islam Negeri Madura)* (2018): 154. “Pondok Pesantren Banyuanyar”, accessed November 5, 2020, https://id.wikipedia.org/wiki/Pondok_Pesantren_Banyuanyar

¹⁸ *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, 29.

¹⁹ Imamuddin, “Solat Sunat Dalam Kitab Tarjuman Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks”, 33.

²⁰ Muhammad Ali Hisyam, “Banyuanyar: Sebuah Stasiun di Pelosok Waktu”, *Majalah Dinamika*, Ed. 1, Julai 2003, 84.

Nasab keluarga KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq ini masih ada hubungannya dengan Sunan Giri²¹ yang berada di Gresik Jawa Timur. Sebab, Kiai Ishaq adalah anak lelaki kepada Kiai Hasan, manakala Kiai Hasan adalah anak lelaki kepada Kiai Abdurrahman²² dan seterusnya Kiai Abdurrahman adalah menantu kepada Sunan Giri Gresik Jawa Timur.²³ Manakala Sunan Giri adalah salah seorang daripada Sembilan Sunan atau masyhur dengan sebutan *Wali Songo*. Oleh itu, bilamana dilihat daripada sisi nasab keturunan KH. Abdul Hamid, sememangnya beliau mempunyai nasab yang tinggi dan luhur. Beliau masih keturunan seorang pejuang agama Islam di pulau Jawa pada masa awal datangnya Islam ke Jawa. Tidak keterlaluan jika dikatakan, bahawa memang telah mengalir di dalam diri beliau darah seorang alim besar iaitu Sunan Giri.

KH. Abdul Hamid terkenal dengan sifat-sifat yang terpuji, antaranya beliau sering menangis jika mendapatkan kesilapan dalam perkara agama, walaupun kesilapan tersebut sangat kecil dan tidak sampai berimpak kepada dosa. Pernah sekali beliau tidak sengaja melakukan kesilapan dengan memulakan kaki kiri ketika hendak memasuki masjid. Beliau dengan segera mundur ke belakang, kemudian menangis kerana merasa tidak beradab memasuki rumah Allah (masjid). Pernah juga beliau menangis ketika memotong daun yang masih ada di dahannya kerana telah menyakiti makhluk hidup. Padahal syari'ah tidak memberikan hukuman terhadap perbuatan tersebut. Pernah juga beliau dijumpai menangis ketika melihat orang merokok. Beliau tidak melarang langsung orang yang merokok tadi, tapi beliau berkata kepada si perokok bahawa sebaiknya membaca istighfar daripada merokok, kerana hal itu lebih afdal baginya. Beliau juga berpesan kepada si perokok: "Bagaimana kalau api rokok itu mengenai kain pelikat (sarung) kemudian berlubang, maka solatnya tidak sah sebab auratnya tidak tertutup?". Lalu si perokok menjadi malu dan berhenti dengan membuang rokoknya.²⁴ Ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang tegas ketika melihat suatu kesalahan, walaupun kesalahan itu kelihatan kecil. Namun, penuh dengan hikmah ketika beliau menegur seseorang. Selari dengan apa yang diperintahkan Allah dan Rasul-Nya.²⁵ Sememangnya beliau menyarankan supaya seseorang jangan selalu merokok kerana merokok tidak membuat orang lapar menjadi kenyang, orang haus menjadi segar, membuang harta tanpa faedah yang sepatutnya, ini kerana merokok dapat melalaikan seseorang daripada berzikir mengingat Allah. Bahkan beliau mengatakan bahawa merokok ini adalah bid'ah.²⁶

²¹ Sunan Giri mempunyai dua nama lain iaitu Ainul Yaqin dan Raden Paku. Beliau adalah kepada Maulana Ishak, iaitu sahabat dekatnya Raden Rahmat atau Sunan Ampel Atau Ngampel. Sunan Ampel adalah ayah kepada Makhdum Ibrahim atau Sunan Bonang. Sunan Giri dan Sunan Bonang pernah belajar Ilmu Islam Di Negeri Melaka selama tiga tahun kepada seorang Shaykh daripada Iran. Kemudian keduanya kembali ke Jawa. Makhdum Ibrahim memperjuangkan agama Islam di Bonang dekat Tuban (salah satu Kabupaten di Jawa Timur), daripada itu beliau disebut Sunan Bonang. Sedangkan Ainul Yaqin Atau Raden Paku berjuang di Giri-Gresik (yang mana ianya juga adalah nama salah satu Kabupaten di Jawa Timur), oleh itu beliau disebut Sunan Giri. Murid-murid beliau banyak yang datang daripada pulau Madura. *Sejarah Umat Islam*, 747-748. Seterusnya mengenai salasilah bersambungnya nasab KH. Abdul Hamid dengan Sunan Giri, boleh rujuk: "Bany Itsbat Bani Itsbat", accessed November 3, 2020, <https://www.alkhoirot.com/bany-itsbat-bani-isbat/>

²² *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, 26.

²³ Profile, "Sejarah Banyuanyar", accessed November 22, 2013, <http://banyuanyar.com/profile-banyuanyar>

²⁴ KH. Muhammad Syamsul Arifin (Mudir Pondok Pesantren Darul UlumBanyuanyar semenjak tahun 1980-sekarang), dalam temubual dengan pengkaji, 11November 2011.

²⁵ اُنْهُجُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمُؤْعَظَةِ الْحُسْنَةِ وَجَادَهُنَّ بِالْيَتَى هِيَ أَخْسَنُ " artinya : "Serulah (mereka) ke jalan TuhanMu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik". QS. al-Nahl: 125.

²⁶ Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid, *Tarjuman*. (Surabaya-Indonesia: Dar al-Saqqaf, 1980), 80.

Selain daripada itu beliau juga terkenal dengan istiqamahnya dalam solat berjemaah. Pernah beliau terkena penyakit lumpuh separuh badannya. Tapi, beliau tetap mengimamkan anak-anak muridnya. Beliau juga sering berpuasa sunat. Banyak orang yang mengatakan hal ini meskipun berbeza-beza riwayat berapa lama beliau berpuasa. Ada yang mengatakan bahawa beliau berpuasa selama 15 tahun. Beliau membahagikan puasanya ini pada tiga doa dan harapan. Tahun pertama puasa beliau bertujuan untuk mendoakan ahli keluarga serta keturunannya. Kemudian tahun kedua beliau berpuasa untuk mendoakan anak-anak muridnya. Pada tahun ketiga beliau berpuasa untuk mendoakan semua jiran yang bermukim di persekitaran pondok pesantren. Ada pula yang mengatakan beliau berpuasa selama 20 tahun, ada juga yang mengatakan sampai 25 tahun.²⁷

Isteri beliau merupakan orang yang sangat taat dan salehah. Mereka berdua berjanji tidak mahu kumpul tidur, kecuali setelah dapat mengkhatamkan satu al-Quran. Oleh itu setiap kali khatam, baru mereka *bermu'asharah*²⁸ suami-isteri. Beliau dengan isterinya terkenal dengan kezuhudannya. Pernah suatu ketika isterinya menjumpai sesuatu yang pelik ketika membasuh beras²⁹ untuk dimasak. Serta merta sang isteri terkejut, kerana tak disangka beras tersebut berubah menjadi emas. Seketika itu dia mendatangi beliau seraya menangis dan bertanya: "Adakah kamu berdoa tidak ikhlas kepada Allah?". Sebab yang diminta dan dipohon kepada Allah bukan banyak harta, tapi memohon kekuatan dalam agama (bermakna, berdoa untuk akhirat bukan untuk dunia). Disangkanya KH. Abdul Hamid berdoa atau beribadah untuk mencari habuan dunia sahaja. Dengan sikap suami yang bijaksana, beliau menyuruh isterinya kembali ke tempat semula di mana dia membasuh beras. Ternyata emas tadi berubah menjadi beras semula. Itulah antara sifat-sifat terpuji beliau yang pengkaji dapatkan dari beberapa sumber.³⁰

Huraian Am Kitab Tarjuman

i. Latar Belakang Penulisan Kitab Tarjuman



Gambar 2.0

²⁷ Ust. Muzammil Imron, MA. (Beliau adalah antara alumni dan termasuk Ustaz yang aktif mengajar di Pondok Pesantren Mambaul UlumBata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 17 November 2011.

²⁸ وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ "artinya : " Dan pergaulilah isteri-isterimu dengan baik" QS. al-Nisa': 19.

²⁹ Sebahagian sumber mengatakan beras itu bukan padi, tapi jagung yang sudah dihancurkan (dihaluskan) menjadi kecil-kecil. Sumber ini diambil daripada sumber lain iaitu Kiai Muhri. Kiai Muhri (Beliau adalah antara alumni Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.

³⁰ Kiai Muhri (Beliau adalah antara alumni Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.

Pada mulanya kitab ini berbentuk tulisan-tulisan kertas atau boleh disebut dengan risalah-risalah kecil, kemudian dikumpulkan dan dijadikan satu kitab yang dinamakan kitab *Tarjuman*. Sekitar tahun 1974 M.,³¹ selesailah penullisan ulang kitab *Tarjuman* pada masa kepimpinan KH. Abdul Hamid Baqir bin KH. Abdul Majid cucu kepada KH. Abdul Hamid. Hal ini dibuat dikeranakan banyak permintaan daripada santri sama ada yang masih belajar atau yang sudah lulus daripada pondok pesantren Darul Ulum Banyuanyar³² serta masyarakat supaya karya KH. Abdul Hamid mudah untuk dipelajari dan menjadi khazanah keilmuan yang terjaga.

Adapun proses pengkajian kitab *Tarjuman* bermula dengan pengumpulan risalah-risalah kecil yang ada di tempat yang berbeza-beza sehingga memerlukan waktu satu bulan, barulah dapat ditulis dan dijadikan dalam satu kitab dan proses pengumpulan risalah-risalah ini dibantu jugaoleh KH. Ahmad Faqih Desa Toronan Kowel Pamekasan. Seterusnya selepas selesainya penulisan kitab ini, biaya percetakan ditanggung oleh Hj. Nawawi bin Hj. Ahmad Nur daripada Karang Sokon Sumenep.³³

Kitab ini ditulis khas sebagai asas agama bagi kalangan awam. Mungkin daripada segi isi, kitab *Tarjuman* bukanlah kitab yang sangat istimewa. Kandungannya hanya sesuatu yang biasa. Namun, ianya mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap perubahan keislaman orang Madura pada masa itu terkhusus masyarakat Pamekasan Madura dan sekitarnya.³⁴ Dengan adanya kitab *Tarjuman* yang berbahasa Madura, banyak memahamkan masyarakat awam yang susah belajar agama dengan menggunakan kitab yang berbahasa Arab.

ii. Metode Penulisan Kitab *Tarjuman*

Tidak dijumpai kata sepakat, munculnya penulisan huruf Arab pegon (tulisan Jawi).³⁵ Ada yang mengatakan di persekitaran tahun 1200 M./1300 M. bersamaan dengan masuknya Islam ke Nusantara yang merubah kepercayaan Animisme, Hindu, dan Budha. Ada juga yang mengatakan pada tahun 1400 M. oleh Raden Rahmat atau Sunan Ampel Surabaya. Ada pula yang berpendapat bahawa pemilik tulisan pegon adalah Syarif Hidayullah atau Sunan Gunung Jati Cirebon Jawa Barat. Tulisan huruf pegon mempunyai pengaruh besar terhadap dunia pendidikan di kebanyakan pondok pesantren di Jawa³⁶ dan Madura sehingga kitab *Tarjuman* juga ditulis dengan menggunakan huruf pegon.

Meskipun penulisan kitab *Tarjuman* ditulis dengan huruf Jawi, namun ianya mempunyai ciri-ciri khas yang berbeza dengan kitab lainnya. Antaranya tulisan Jawi di kitab ini dilengkapi dengan barisnya (*harkat*), sehingga mudah untuk dibaca semua orang terutamanya orang awam. Kitab ini ditulis tanpa menggunakan pasal (*faslun*) atau pemisah antara permasalahan-permasalahan yang dibahas. Maka orang yang membacanya akan mengalami kesulitan untuk mencari permasalahan yang dinginkan. Penulisan kitab ini tidak

³¹ *Tarjuman*, 126.

³² *Ibid*, 3.

³³ *Ibid*, 2-3.

³⁴ Temubual dengan (Allah yarham) KH. Tahir Zain bin KH. Abdul Hamid bin KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi (yang mana KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi ini adalah menantu kepada KH. Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid bin kiai Ithbat) di Pondok Pesantren Manba’ul Ulum Bata-Bata Pamekasan Madura Jawa Timur Indonesia, dalam temubual dengan pengkaji, tarikh 23 November 2011.

³⁵ *Kamus Dewan*, 1160, entri “pegon”.

³⁶ -, “Aksara Pegon: Studi Tentang Simbol Perlawanan Islam Jawa Abad Ke – XVIII – XIX”, accessed May 18, 2022, http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu_Fikri-Aksara_pegon_Ringkasan.pdf

memperhatikan tanda-tanda seperti tanda titik atau koma. Oleh itu, pembacanya harus pandai dan teliti.

Kitab ini ditulis tanpa ada dalil atau rujukan kecuali ada sebahagian kecil perbahasan yang memiliki rujukan seperti perbincangan tentang rajah pada hari Rabu terakhir pada bulan Safar, yang dikatakan ada dalam kitab *al-Jawahir*.

Dalam permasalahan tauhid, kitab *Tarjuman* mengikut aqidah Imam Asy'ari. Hal itu nampak jelas ketika beliau mengatakan bahawa ada lima puluh *aqa'id* yang wajib kita ketahui iaitu *wujud, qidam, baqa'* dan seterusnya. Dalam bidang fiqh, *Tarjuman* mengikut mazhab Imam Syafi'i. Seterusnya dalam bidang tajwid, *Tarjuman* mengikut riwayat Imam Hafs daripada Imam 'Asim.³⁷

Kearifan Tempatan KH. Abdul Hamid

Sebagaimana disebutkan dalam pendahuluan, ada beberapa perkara hukum-hakam yang dijumpai pengkaji dalam kitab *Tarjuman* yang akan menjadi perbincangan dalam kajian ini bagi mengetahui seberapa jauh sumbangan dan peranan KH. Abdul Hamid dalam kearifan tempatan terhadap keadaan masyarakat. Mengikut sejarah kehidupan beliau adalah merupakan orang alim yang sufi yang selalu mengedepankan akhlak dalam pendekatan dakwahnya. Oleh itu, beliau dalam mengatakan hukum-hakam ada 2 keadaan iaitu yang pertama beliau secara langsung menyebut jenis hukumnya dan yang kedua beliau tidak mengatakan secara tidak langsung tapi menggunakan kalimat yang sekiranya orang mudah menerimanya dan tidak merasa tersinggung bagi menghilangkan rasa sakit hati bila ditegur. Sebab orang Madura tabiatnya mudah tersinggung bahkan kasar dan keras. Hal ini tampak bahawa orang Madura memiliki tradisi *carok*³⁸. Kebiasaannya menggunakan alat tajam iaitu sabit.³⁹

Karapan Sapi

Sebelum lebih jauh membincangkan karapan sapi, pengkaji akan memberikan gambaran tentang karapan sapi yang diungkapkan oleh Kuntowidjoyo. Ianya adalah tradisi khas Madura sebagai suatu gabungan dari perayaan rakyat, hiburan, pertunjukan kesihatan haiwan ternak dan kelajuan lari sapi. Tradisi ini sudah berlangsung lama secara turun temurun sehingga selalu menarik perhatian masyarakat luas. Dan akhirnya menjadi pertandingan yang sangat besar atau kemuncak pada setiap tahunnya dengan diberi nama *gubeng* (bahasa Madura). Manakala pesertanya terdiri daripada 24 pasang sapi mewakili 4 kabupaten di Madura iaitu Bangkalan, Sampang, Pamekasan dan Sumenep.⁴⁰ Dan tempat pertandingan karapan sapi *gubeng* diadakan di kabupaten Pamekasan.


Seterusnya pada muka surat 50-51 dalam kitab *Tarjuman*, dijumpai beberapa perkara hukum-hakam antaranya tentang hukum karapan sapi. Sebagai tokoh masyarakat dan tuan guru agama di daerah Banyuanyar Pamekasan, KH. Abdul Hamid memberikan pandangannya terhadap kebiasaan masyarakat yang secara berterusan mempertandingkan sapi yang disebut dengan karapan sapi. Pengkaji mengambil sebahagian tulisan asli daripada kitab *Tarjuman* dengan bentuk gambar sebagaimana beriku ini.

³⁷ Imamuddin, "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks". 41-42.

³⁸ *Carok* adalah antara bahasa Madura. Ianya adalah sebuah simbol kewujudan (sebagai pemberani) seorang lelaki, sebuah pertengkaran antara dua lelaki, kebiasaanya satu lawan satu yang kebanyakannya disebabkan perselisihan. Lihat: Erie Hariyanto, "Carok VS Hukum Pidana Indonesia (Proses Transformasi Budaya Madura Kedalam Sistem Hukum Indonesia)". *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture*, (2007): 181.


³⁹ *Kamus Dewan*, 1362, entri "sabit".

⁴⁰ Kosim, "Kerapan Sapi; "Pesta" Rakyat Madura (Perspektif Historis-Normatif)", 68.




Gambar 3.0⁴¹

Terjemahan: Begitu juga sebaiknya orang hidup itu jangan mengikut hawa nafsunya seperti suka rumah bagus (mewah), kediaman yang nyaman, pakaian bagus, makanan dan minuman yang lazat-lazat, suka mainan, *ruddat* dan yang sejenisnya, mempersandingkan pengantin (di atas pelamin); anaknya dipertontonkan kepada orang ramai dijadikan hiburan,



Gambar 4.0⁴²

Terjemahan: suka perlumbaan kuda, karapan sapi dengan riya', suka main (pertandingan) burung dara (merpati).....



Gambar 5.0⁴³

Terjemahan: Iya, karapan sapi atau perlumbaan kuda kalau sememangnya dengan tujuan mencari rezeki untuk kepentingan akherat dengan sungguh-sungguh bersyukur bukan dikeranakan riya', maka tidak apa-apa (tidak masalah) in sya Allah ta'ala.

Pengkaji sengaja memberi garis bawah pada gambar 3.0 dengan warna merah bagi menandakan permulaan terjemah. Seterusnya garis bawah berwarna biru pada gambar 4.0 dan 5.0 bagi menandakan pernyataan KH. Abdul Hamid khas untuk hukum karapan sapi.

Ada dua pernyataan KH. Abdul Hamid yang berbeza mengenai hukum karapan sapi iaitu:

- Karapan sapi dikatakan perbuatan tidak baik sebab ianya mengikut hawa nafsu dengan tujuan riya' kepada para penonton pertandingan karapan sapi.

⁴¹ *Tarjuman*, 50.

⁴² *Ibid*, 51.

⁴³ *Ibid*, 51.

- ii. Karapan sapi diperbolehkan dengan syarat untuk mencari nafkah dengan tujuan yang baik iaitu tujuan ukhrawi dan bukan untuk riya’.

Jika merujuk kepada kitab fiqh, akan dijumpai hukum-hakam yang jelas dan tegas terhadap setiap apa permasalahan yang berhubungkait dengan hukum syara’ misalnya kalau wajib kitab fiqh langsung menyatakan wajib, begitu juga kalau perkara itu haram maka langsung dikatakan haram dan begitulah seterusnya terhadap hukum sunnah, makruh atau pun mubah/harus.

Namun, KH. Abdul Hamid tidak langsung menyatakan apakah hukum karapan sapi ini yang dikatakan tidak baik dalam kategori makruh atau pun haram?. Ini adalah soalan besar yang boleh membingungkan pembaca kitab *Tarjuman* ketika ingin menilai pandangan beliau terhadap karapan sapi. Apatah lagi beliau memberikan dua hukum iaitu tidak baik dan diperbolehkan.

Dalam hal ini pengkaji berusaha untuk mencari alasan terhadap pernyataan KH. Abdul Hamid. Kalau melihat sejarah kehidupan beliau di atas, bahawa beliau adalah orang yang sufi. Oleh itu bagi pengkaji, kemungkinan besarnya hal ini dikeranakan oleh faktor kesufian beliau. Dalam berdakwah, beliau dengan kesufiannya tidak mendahulukan pendekatan hukum syara’ secara langsung sebab ianya mengandungi beban atau *taklif*. Justeru beliau lebih memilih untuk mendahulukan hikmah dan lemah lembut dalam menyampaikan pengajaran agama.. Dengan tujuan supaya agama ini sampai kepada ummat tanpa membuat ketersinggungan sehingga mudah untuk diterima. Meskipun tidak semua hukum syara’ beliau sampaikan dengan cara seperti ini. Seterusnya pengkaji akan membincangkan hukum karapan sapi ini secara lebih mendalam di bahagian perbincangan bagi mendapatkan kedudukan hukumnya yang lebih jelas.

PERBAHASAN DAN PERBINCANGAN

Karapan Sapi



Gambar 6.0

Ada banyak budaya dan tradisi di pulau garam ini (sebutan lain untuk pulau Madura).⁴⁴ Antara budaya yang sangat terkenal sehingga ke luar negara adalah budaya karapan sapi. Gambar 6.0 di atas diambil langsung oleh pengkaji di lapangan terbang Bandara Juanda Surabaya. Ianya diletakkan di pintu masuk setiap orang yang mahu *check in* tiket dan timbang bagasi. Oleh itu, semua orang akan nampak sama ada yang ingin naik pesawat

⁴⁴ Parwoto *et. all*, “Dampak Monopoli Garam Di Madura Pada Abad XX”. *MOZAIK: Jurnal Universitas Negeri Yogyakarta*, (2015): 33.

terbang atau pun yang hanya bertujuan menghantar saudara, kawan atau yang lainnya. Sama ada juga yang nampak orang tempatan atau pun orang luar negara.

Pada acara kemuncak karapan sapi yang diadakan di Madura pada setiap tahunnya selalu dihadiri orang-orang di luar Madura sama ada yang datang daripada daerah lain seperti Jawa atau pun yang merupakan pelancong daripada luar negara.⁴⁵ Sebab karapan sapi ini selain pertandingan juga boleh dijadikan pertunjukan terbaik atau hiburan yang ada di Indonesia.⁴⁶

Sejarah Karapan Sapi

Dalam berbagai versi, ada yang mengatakan pada abad ke 13 M.⁴⁷ atau abad ke 14 M. merupakan masa awal munculnya karapan sapi yang mana ianya dijadikan wasilah atau media bagi memudahkan penyebaran ajaran agama Islam oleh salah satu tuan guru atau kiai yang dipanggil dengan nama kiai Pratanu. Ada juga yang mengatakan bahawa pada abad ke 14 M., yang mengadakan karapan sapi pertama kali adalah Adi Poday. Dia merupakan anak kepada Panembahan Wlingi yang berkuasa di daerah Sepudi.⁴⁸

Ada juga yang berpandangan bahawa kiai Ahmad Baidawi atau nama masyhurnya Pangeran Katandur sebagai murid Sunan Kudus diutus untuk berdakwah ke Madura (terutamanya di kabupaten Sumenep) dengan modal dakwah 2 buah jagung (bukan 2 biji jagung). Sesampainya di Madura sang Kiai bukan langsung berdakwah tapi malah mengajar orang untuk bercucuk tanam jagung. Sebab pada masa itu orang Madura belum tahu lagi bertani jagung. Diriwayatkan bahawa umur jagung hanya 1 hari. Begitu jagung ditanam pagi hari, besoknya boleh langsung dipanen. Sudah boleh diprediksikan, masyarakat sangat teruja untuk belajar bercucuk tanam kepada sang Kiai. Pada saat itulah Kiai tidak menyi-nyiakan kesempatan untuk berdakwah. Sedikit demi sedikit beliau menyampaikan dakwah kepada mereka sehingga akhirnya Islam diterima dengan baik.⁴⁹

Dengan dua modal buah jagung, penanaman jagung menjadi luas dan banyak. Untuk mengolah tanah sawah mereka memerlukan alat untuk membajak sawah. Maka, didapati idea yang mencadangkan sapi untuk membajak sawah. Ternyata hal itu benar. Oleh itu, peranan sapi disini bukan setakat menjadi pembajak sawah tapi juga menjadi alat penyampai dakwah kepada masyarakat Madura sebab membantu untuk memudahkan penanaman jagung.

Seterusnya bila musim panen, diadakanlah kesyukuran untuk hasil panen tersebut dengan mengadakan pertandingan karapan sapi. Dengan tujuan selain untuk meningkatkan produksi makanan, juga untuk meningkatkan pemeliharaan peternakan sapi. Pertandingan ini semakin lama semakin teserlah dan menunjukkan kekhususan budaya Madura⁵⁰. Boleh

⁴⁵ Fiqih Arfani dan Laily Widya Arishandi (2013), accessed Desember 08, 2018, <https://www.antaranews.com/berita/409659/turis-inggris-jerman-kagumi-festival-karapan-sapi>

⁴⁶ Robi Setiawan (2018), accessed Desember 08, 2018, <https://travel.detik.com/travel-news/d-4261231/oktober-waktu-terbaik-melihat-lomba-karapan-sapi-di-madura>

⁴⁷ Tety Hartatik, *Analisis Genetika Molekuler Sapi Madura “Sapi Karapan Sebagai Tradisi Masyarakat Madura”*. (Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 2015), 8.

⁴⁸ Hafidatul Fauzuna, “Makna Simbol Pada Upacara Kerapan Sapi Di Waru Pamekasan (Analisa Semiotika Roland Barthes)”, *Jurnal Online STAIN (Sekolah Tinggi Agama Islam) Pamekasan*, accessed May 19, 2022, <https://core.ac.uk/download/pdf/322535394.pdf>

⁴⁹ Kosim, “Kerapan Sapi; “Pesta” Rakyat Madura (Perspektif Historis-Normatif)”, 69.

⁵⁰ Juhari, “Ekonomi dan Prestise dalam Budaya Karapan Sapi di Madura”, 193.

juga pertandingan ini untuk mengetahui mana-mana sapi yang kuat sehingga sesuai untuk membajak sawah.⁵¹

Mitos Karapan Sapi

Bila sudah lama tidak turun hujan sehingga bulan November, di kabupaten Sumenep Madura, masyarakat mengadakan pertandingan karapan sapi di tanah lapang desa. Aturan pertandingan tersebut adalah sapi akan dilepas dari garis *start* dengan jauh tidak sampai 100 meter. Pada saat itu para pemilik sapi memberikan maklumat secara bergantian tentang maksud dan tujuan pertandingan tersebut kepada para penonton iaitu agar cepat turun hujan. Mereka pun menari bersama dengan diiringi musik *saronen* (nama musik khas daerah Madura).

Ketika mereka sedang menari pada saat itulah permohonan minta hujan diucapkan dengan menggunakan bahasa Madura. Ritual itu berlangsung lebih kurang 5 jam dan sebagai acara kemuncak dari ritual tersebut maka dilaksanakanlah karapan sapi tanpa hadiah.⁵² Ritual semacam ini ternyata bukan hanya terjadi di Sumenep Madura akan tetapi di Pulau Jawa seperti di kabupaten Bondowoso.⁵³

Game Balapan Karapan Sapi di Program Android

Di zaman moden ini, ternyata budaya karapan sapi tidak ketinggalan daripada perkembangan teknologi *smartphone* yang sudah meluas berada di genggaman tangan masing-masing masyarakat dunia. Sudah ada orang yang membuat *game* dengan Balapan Karapan Sapi yang di dalam permainan ini mengandungi unsur pendidikan. Kesimpulan yang didapat daripada kajian ini, antaranya dengan adanya *game* Balapan Karapan Sapi, 69% pemain tertarik untuk mengembangkan *game* yang merujuk kepada budaya Indonesia.⁵⁴

Namun *game* ini tidak wujud di *playstore android*. Ketikamana pengkaji mencarinya, yang dijumpai hanyalah 2 aplikasi kumpulan video karapan sapi Madura. Sama ada sudah dihapus atau pun di tempat lain dan aplikasi tersebut memiliki cara-cara tersendiri tidak seperti aplikasi yang biasa orang ramai gunakan.

Analisis Pandangan KH. Abdul Hamid Terhadap Karapan Sapi

Dua pilihan pandangan yang dicadangkan oleh KH. Abdul Hamid dalam karapan sapi ialah pertama dianggap tidak baik sebab mengikut hawa nafsu iaitu riya' dan yang kedua

⁵¹ Mohammad Firzat Shindi, "Kontroversi Budaya Karapan Sapi Menurut Pandangan Agama (Kitab Fathul Qorib dan Q.S Al-An'aam: Q.S Al-An'aam:138) dan Hukum Negara (pasal 302 ayat 1 dan 2 KUHP)", SMA. A Wahid Hasyim Tebuireng Jombang, accessed May 19, 2022, <https://xdocs.tips/download/kontroversi-budaya-karapan-sapi-menurut-pandangan-agama-kitab-fathul-qorib-dan-qs-al-anaam-138-dan-hukum-negara-pasal-302-ayat-1-dan-ayat-2-kuhp-zo25l44l45om?hash=eeeea9b363bc4c4db9ab24609baf05bf>

⁵² PurWD/dbs (2009), accessed Desember 08, 2018, <http://www.voaislam.com/read/indonesia/2009/11/08/1635/aneh-meminta-dengan-menggelar-karapan-sapi/>;

⁵³ Moh Bahri (2018), accessed Desember 09, 2018, <https://www.timesjatim.com/berita/47715/warga-di-bondowoso-gelar-ritual-kerapan-sapi-untuk-meminta-hujan>

⁵⁴ Andi Juardi *et. all*, "Aplikasi Game Racing "Balapan Karapan Sapi" Pada Smartphone Berbasis Android Dengan Menggunakan Libgdx Engine". Perkara ini dapat dilihat pada "simpulan dan saran" pada jurnal ini. Ini adalah sebuah jurnal yang diambil daripada disertasi sarjana muda Bina Nusantara University, Jakarta, DKI Jakarta, Indonesia. Sila rujuk: accessed May 19, 2022, http://library.binus.ac.id/Collections/ethesis_detail.aspx?ethesisid=2013-1-00388-IF

diperbolehkan apabila dengan niat mencari nafkah untuk kepentingan akherat dan tidak berniat riya'. Kedua opsi tersebut akan memberikan kedudukan hukum, namun belum jelas.

a. Karapan Sapi Tidak Baik Sebab Ikat Hawa Nafsu Iatu Riya'

Ungkapan Kiai yang mengatakan karapan sapi tidak baik sebab mengikut hawa nafsu ini memberikan dua jenis hukum iaitu antara makruh dan haram. Kedua-duanya berimpak negatif. Ungkapan ini tidak dapat langsung dipastikan yang mana satu yang diputuskan oleh beliau. Oleh itu, masih memerlukan perbahasan yang lebih dalam untuk mengetahui hukum syara' yang mana yang lebih sesuai. Hanya sahaja pengkaji lebih cenderung untuk memilih hukum haram daripada makruh dengan alasan berikut ini.

Ada unsur penguat yang boleh memberikan putusan hukum haram terhadap pertandingan karapan sapi sebagaimana berikut:

Riya'

Riya' adalah lawan dari sikap ikhlas. Riya' adalah melakukan amal perbuatan bukan untuk mencari ridha Allah SWT, namun untuk memperoleh pujian atau kemasyhuran, posisi, kedudukan di tengah masyarakat.⁵⁵ Manakala Imam Ghazali mengatakan bahawa riya' adalah mencari kedudukan di hati manusia dengan menampakkan kepada mereka tentang beberapa hal yang sifatnya baik.⁵⁶

Selari dengan pernyataan ini, bahawa para pemilik sapi selain mengharapkan menang dalam pertandingan, mereka juga ingin mendapatkan kedudukan di mata masyarakat ramai iaitu ketikamana sapi mereka menang akan terkenal di seluruh Madura⁵⁷ sehingga orang ramai akan memberikan pujian. Oleh itu, maka benarlah perkataan Kiai bahawa sememangnya dalam pertandingan ini mengandungi unsur riya'.

1. Penyiksaan haiwan

Sebagaimana bergesernya nilai pertandingan karapan sapi yang sudah dijelaskan di kajian lepas iaitu daripada nilai keagamaan kemudian menjadi budaya dan terus bergeser menjadi pertandingan yang lebih kepada kemenangan belaka. Sehingga tujuannya adalah hadiah yang besar. Oleh itu, pemilik sapi akan berusaha bagaimana sapinya dapat laju dalam berlari meskipun dengan cara yang buruk.⁵⁸ Justeru para pemilik sapi akan menghalalkan segala cara tanpa menghiraukan ajaran agama Islam seperti menyiksa sapi tersebut.

Harapan mereka adalah menang dalam pertandingan meskipun menyiksa sapi tersebut. Agar sangat laju dalam berlari, mereka meletakkan kepada seluruh badan sapi dengan cabai begitu juga meletakkan balsem pada matanya, sehingga sapi seperti kesurupan. Dalam keadaan mata melotot dan nafas berdesis, diperlukan 8 sehingga 10 orang untuk memegang agar sapi tidak mengamuk. Selain itu, saat pertandingan berlangsung, dubur sapi akan dilukai dengan tongkat kecil penuh paku dan memukul bagian belakang salah satu pasangan sapinya.⁵⁹ Hal ini dibenarkan oleh budayawan Madura iaitu Zawawi Imron. Dahulu pada masa dia kecil sapi dicambuk dengan pecut namanya *sagersa* (bahasa Madura)

⁵⁵ Hasiah, Peranan Ikhlas Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Jurnal Darul 'Ilmi: Rumah Jurnal Online IAIN Padangsidiimpuan* (2013): 31.

⁵⁶ Muhammad Mufid, "Konsep Riya' Menurut Al-Ghazali" (Disertasi Sarjana Muda, Program Studi Aqidah dan Filsafat Islam Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta 2018), 37.

⁵⁷ Tracy Rowe, "Kerapan Sapi Madura: Pengaruh motivasi pemilik sapi pada perubahan-perubahan sosio-budaya dalam kerapan sapi" (Disertasi Sarjana Muda, Program Australian Consortium For In-Country Indonesian Studies, Universitas Muhammadiyah Malang 2001), 41.

⁵⁸ Kurnia Fahmi Astutik dan Sarmini, "Budaya Karapan Sapi Sebagai Modal Sosial Masyarakat Madura Di Kecamatan Sepulu Kabupaten Bangkalan", 337.

⁵⁹ Juhari, "Ekonomi dan Prestise dalam Budaya Karapan Sapi di Madura", 196.

yang terbuat daripada daun kering misalnya daripada daun pisang, daun kelapa, atau pun daun siwalan. Namun pada zaman sekarang sudah berubah dengan pecut yang dipenuhi paku-paku kecil, kemudian digaruk-garukan pada dubur sapi.⁶⁰ Sememangnya cara-cara ini dapat membuat sapi akan sangat laju. Dalam 10 detik sapi boleh berlari 130 meter, sangat mengagumkan.⁶¹

2. Perjudian pada saat pertandingan

Selain penyiksaan terhadap, sering dijumpai permainan judi yang amat sukar untuk dibanteras⁶² seolah-olah perjudian dengan karapan sapi merupakan saudara sekandung alias sangat rapat hubungan antara keduanya. Pertandingan ini menjadi lahan untuk mencari wang sehingga melencong jauh daripada tujuan karapan sapi pada masa dahulu.⁶³ Perjudian ini sama ada dilakukan oleh para penonton atau pun para pemilik sapi sehingga kalau menang, wang hasil judinya boleh menutupi pembiayaan perawatan sapi yang sangat mahal.⁶⁴

3. Carok

Dalam pertandingan karapan sapi, sering terjadi kekerasan tertentu seperti salah satu pemilik sapi merasa direndahkan martabatnya. Sehingga dalam pertandingan karapan sapi mudah untuk memunculkan perkelahian (*carok*). Terlebih lagi jika dijumpai kecurangan saat pertandingan.⁶⁵ Pengeluaran wang yang sangat besar untuk pembiayaan pertandingan ini dengan sangat mudah membuat emosi atau marah yang tidak dapat dikawal oleh pemilik sapi ketika terjadi kecurangan.⁶⁶

Empat unsur di atas ini, sudah mencukupi untuk memutuskan bahwa hukum karapan sapi haram mengikut syariat Islam. Pengkaji akan memberikan dalil-dalil yang dapat menguatkan pandangan Kiai terhadap keharaman karapan sapi sebagai berikut:

1. Al-Quran dengan jelas melarang *riya'* sepertinama dijelaskan dalam surah al-Ma'un ayat 6 yang mengutuk (celaka) ke atas orang-orang yang berbuat *riya'*.

الَّذِينَ هُمْ يُرَأُونَ

Terjemahan: Orang-orang yang berbuat *riya'*

2. Seterusnya dalam sebuah hadith, Allah memasukkan seorang perempuan ke dalam neraka sebab dia tidak memberi makan kucing yang dikurungnya sehingga dia mati. Daripada Sayyidina Umar ra bahawa Rasulullah saw bersabda: “seorang perempuan masuk neraka disebabkan kucing. Dia mengurung kucing tersebut (sehingga mati). Perempuan itu tidak

⁶⁰ Ajeng Ritzki Pitakasari (2012), accessed Desember 09, 2018, https://www.republika.co.id/berita/senggang/seni_budaya/12/09/22/maqjh-zawawi-imron-dulu-karapan-sapi-tanpa-kekerasan

⁶¹ Kosim, “Kerapan Sapi; “Pesta” Rakyat Madura (Perspektif Historis-Normatif)”, 73.

⁶² Sukamantara, “Perjudian Dalam Karapan Sapi”, 15-16.

⁶³ Shindi, “Kontroversi Budaya Karapan Sapi Menurut Pandangan Agama (Kitab Fathul Qorib dan Q.S Al-An'aam: Q.S Al-An'aam:138) dan Hukum Negara (pasal 302 ayat 1 dan 2 KUHP)”.

⁶⁴ Sukamantara, “Perjudian Dalam Karapan Sapi”, 17.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Muhtar Wahyudi *et. all*, “Madura: Masyarakat Budaya, Media, dan Politik”, (Program Studi Ilmu Komunikasi Universitas Trunojoyo Madura, Puskakom Publik bekerjasama dengan Penerbit Elmatera, 2015), 152.

memberi makan (ketika dikurung). Dan dia tidak melepaskannya supaya dapat memakan serangga/binatang tanah". (Hadith Bukhari).⁶⁷

3. Al-Quran juga mentegah orang untuk bermain judi dengan cara menjauhinya sebab ianya adalah pernuatan syaitan semata-mata. Allah berfirman dalam surah al-Maidah ayat 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَبِيسُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلُمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَنِ
فَاجْتِنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفَاحِّنُونَ

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.

4. Begitu juga Allah mentegah pembunuhan tanpa ada alasan yang benar seperti *qisas*. Allah berfirman dalam surah al-Isra' ayat 33:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلومًا فَقَدْ جَعَلَنَا لِوَلِيِّهِ سُلْطَانًا
فَلَا يُسْرِفْ فِي الْقَتْلِ إِنَّهُ كَانَ مَنْصُورًا

Terjemahan: Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan suatu (alasan) yang benar. dan Barangsiapa dibunuh secara zalim, Maka Sesungguhnya Kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ahli waris itu melampaui batas dalam membunuh. Sesungguhnya dia adalah orang yang mendapat pertolongan.

Seterusnya pengkaji akan mendatangkan fatwa MUI kabupaten Pamekasan tentang pengharaman pertandingan karapan sapi disebabkan menggunakan *rekeng* atau cambuk yang menggunakan paku. Pandangan MUI ini pernah dipatuhi dua kali selepas itu mereka tinggalkan lagi.⁶⁸ Fatwa ini juga mendapatkan sokongan daripada Bupati⁶⁹ se-Madura.⁷⁰

Dalam kitab *al-Bayjuri* daripada kalangan mazhab Syafi'i menyatakan bahawa dilarangnya atau diharamkannya pertandingan sapi sama ada berhadiah atau pun tidak. Bahkan dalam kitab ini pelarangannya tidak menyentuh pada 4 faktor pengharaman di atas.

وَلَا تَصْحُ الْمَسَابِقَةُ عَلَى بَقْرٍ لِأَنَّهَا تَحْرِمُ بِالْعُوْضِ وَ تَحْلِي بِلَا عُوْضِ

⁶⁷ -, *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif - al-Kutub al-Sittah*, ed. al-Shaykh Salih Ibn 'Abd al-'Aziz Ibn Muhammad Ibn Ibrahim Ali al-Shaykh, (Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000), 267.

⁶⁸ Temubual dengan Wakil Ketua MUI kabupaten Pamekasan KH. Abdul Mukti Thabrani, tarikh 4 Desember 2018. Layari: Taufiqurrahman (2013), accessed Desember 10, 2018, <https://regional.kompas.com/read/2013/09/13/1157329/MUI.Haramkan.Karapan.Sapi.Model.Rekeng>.

⁶⁹ Kepala daerah kabupaten. *Kamus Bahasa Indonesia*, 240, entri "bupati".

⁷⁰ Musthofa Bisri (2013), accessed Desember 10, 2018, <https://nasional.tempo.co/read/517236/bupati-se-madura-tak-setuju-karapan-sapi-rekeng>

Terjemahan: dan tidak sah mempertandingkan sapi sebab ianya haram (apabila) berhadiah tapi halal pertandingan tersebut (apabila) tidak berhadiah.⁷¹

Bahkan dijumpai dalam kitab Fath al-Qarib mengadakan pertandingan sapi sama ada ada hadiah atau pun tidak, sama-sama dihukumi tidak sah. Bermakna pertandingan ini dilarang sama sekali.

وَلَا تَصْحُّ الْمَسَابِقَةُ عَلَى بَقَرٍ، وَلَا عَلَى نَطَاحِ الْكَبَشِ، وَلَا عَلَى مَهَارَشِهِ الْدِيَكَةَ، لَا بَعْوضٌ وَلَا غَيْرُهُ.

Terjemahan: Tidak sah pertandingan sapi, adu kambing jantan, adu ayam jantan sama ada berhadiah atau pun tidak.⁷²

Kaedah yang digunakan mazhab Syafi'i terhadap haiwan yang boleh dipertandingkan adalah haiwan-haiwan yang boleh diperbantukan dalam perang seperti kuda. Namun kalau sapi tidak termasuk haiwan yang dibawa berperang *fi sabilillah*. Oleh itu, ia tak boleh dipertandingkan kecuali tanpa hadiah.

إِذْ الْقَاعِدَةُ عِنْدَ الشَّافِعِيَّةِ جَوَازُ الْمَسَابِقَةِ بِكُلِّ نَافِعٍ فِي الْحَرْبِ

Terjemahan: jadi kaedah bagi kalangan ulama Syafi'iyyah ialah apa sahaja yang boleh bermanfaat untuk berperang maka boleh dipertandingkan/diperlumbakan.⁷³

b. Karapan Sapi Boleh Untuk Mencari Nafkah Dengan Tujuan Akherat dan Bukan Riyah

Pengkaji melihat ada dua kemungkinan dalam ungkapan Kiai yang kedua ini. Kiai tidak memberikan penjelasan yang lebih tentang apa yang dimaksudkan untuk mencari nafkah. Adakah nafkah tersebut didapatkan daripada hadiah atau pun yang lainnya.

1. Apabila maksud beliau adalah mengikuti pertandingan karapan sapi kerana menginginkan hadiah semata-mata dan itulah rizki nafkah untuk memenuhi keperluan akherat, maka hal ini bercanggah dengan pandangan para ulama terdahulu yang sudah dijelaskan di atas. Sebab sapi tidak boleh dipertandingkan kecuali tanpa ada hadiah.
2. Apabila yang dimaksudkan beliau adalah kembali kepada sejarah asal mula karapan sapi diadakan iaitu dengan tujuan selain untuk meningkatkan produksi makanan, juga untuk meningkatkan pemeliharaan peternakan sapi.⁷⁴ Atau pun juga tujuan pertandingan ini

⁷¹ Al-Shaykh Ibrahim Al-Bayjuri (1276 H), *Hashiyat al-Shaykh Ibrahim Al-Bayjuri*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah), 2/578.

⁷² Abu 'Abdillah Shamsuddin Muhammad ibn Qasim ibn Muhammad al-Ghazzi, *Fath al-Qarib al-Mujib fi Sharh Alfaz al-Taqrib "Kitab Ahkam al-Sabqi wa al-Ramyi"*, cet. ke-1, (Beirut: Dar Ibn Hazm, 1425 H./2005 M.), 317.

⁷³ Al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Jazayri (1360 H), *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah), 2/276.

⁷⁴ Juhari, "Ekonomi dan Prestise dalam Budaya Karapan Sapi di Madura", 193.

untuk mengetahui mana-mana sapi yang kuat sehingga sesuai untuk membajak sawah.⁷⁵ Maka, hal ini tidak ada larangan dalam agama Islam. Justeru sangat digalakkan.

Apabila sapinya berkualiti bagus boleh berkembangbiak dengan baik sebab sapinya sihat dan kuat, tentulah pemiliknya akan sangat untung. Yang pertama, anak-anak sapi yang akan dilahirkan akan berkualiti juga sebab ada hubungan genetik. Seterusnya yang kedua, pemilik sapi akan diuntungkan sebab dengan mudah dia akan membajak sawahnya dengan sapinya yang kuat. Yang ketiga, dia boleh sewakan sapinya untuk membajak sawah orang lain sehingga dapat hasil upah sewa. Yang keempat, seandainya dia mahu menjual sapinya, harga mahal tentulah akan didapat sebab sapinya kuat berkualiti menjadi pemenang pertandingan.

Karapan Sapi Menurut Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP) Negara Indonesia

Pengkaji sengaja merujuk kepada undang-undang Negara supaya menjadi penguat terhadap hukum syara' yang sudah dibincangkan sebelum ini. Sememangnya pertandingan karapan sapi pada saat ini sangatlah jauh daripada sejarah awal dibuatnya pertandingan tersebut. Dahulu karapan tersebut untuk mediasi dakwah Islam sekarang malah sebaliknya. Praktik penyiksaan haiwan dan perjudian sudah biasa terjadi. Indonesia dalam undang-undang negaranya membuat aturan-aturan tertentu berhubungkait langsung dengan masalah penyiksaan haiwan dan perjudian. Aturan-aturan tersebut ditulis dan ditetapkan dalam Kitab Undang-Undang Hukum Pidana.

1. Penyiksaan Haiwan

Pasal 302 Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP):

- (1) Diancam dengan pidana penjara paling lama tiga bulan atau pidana denda paling banyak empat ribu lima ratus rupiah karena melakukan penganiayaan ringan terhadap hewan:
 1. barang siapa tanpa tujuan yang patut atau secara melampaui batas, dengan sengaja menyakiti atau melukai hewan atau merugikan kesehatannya.
 2. barang siapa tanpa tujuan yang patut atau dengan melampaui batas yang diperlukan untuk mencapai tujuan itu, dengan sengaja tidak memberi makanan yang diperlukan untuk hidup kepada hewan, yang seluruhnya atau sebagian menjadi kepunyaannya dan ada di bawah pengawasannya, atau kepada hewan yang wajib dipeliharanya.
- (2) Jika perbuatan itu mengakibatkan sakit lebih dari seminggu, atau cacat atau menderita luka-luka berat lainnya, atau mati, yang bersalah diancam dengan pidana penjara paling lama sembilan bulan, atau pidana denda paling banyak tiga ratus rupiah, karena penganiayaan hewan.
- (3) Jika hewan itu milik yang bersalah, maka hewan itu dapat dirampas.
- (4) Percobaan melakukan kejahatan tersebut tidak dipidana.

Berdasarkan pasal 302 KUHP ayat 1 dan 2 sepertimana di atas, dapat diketahui jika melakukan penyiksaan atau penganiayaan terhadap haiwan dapat diberi ancaman dan juga

⁷⁵ Shindi, "Kontroversi Budaya Karapan Sapi Menurut Pandangan Agama (Kitab Fathul Qorib dan Q.S Al-An'aam: Q.S Al-An'aam:138) dan Hukum Negara (pasal 302 ayat 1 dan 2 KUHP)".

hukuman penjara. Oleh itu, sebaiknya ketua masyarakat atau pun pihak pemerintah yang ikut menonton supaya melakukan pengawalan ke atas tindak perilaku penganiayaan pada haiwan karapan sapi dan wajib memberikan maklumat yang lengkap kepada masyarakat mengenai hukum yang berlaku pada penyiksaan sapi karapan.⁷⁶

2. Perjudian

Pasal 303 KUHP

(1) Dihukum dengan hukuman penjara selama-lamanya 10 (sepuluh) tahun atau dengan hukuman denda setinggi-tingginya Rp 25.000.000,- (dua puluh lima juta rupiah), barangsiapa tanpa mempunyai hak untuk itu :

1. dengan sengaja melakukan sebagai suatu usaha, menawarkan atau memberikan kesempatan untuk bermain judi atau dengan sengaja turut serta di dalam sesuatu usaha semacam itu ;
 2. dengan sengaja menawarkan atau memberikan kesempatan kepada khalayak ramai untuk bermain judi atau dengan sengaja turut serta di dalam sesuatu usaha semacam itu dengan tidak memandang apakah pemakaian kesempatan itu digantungkan pada sesuatu syarat atau pada pengetahuan mengenai sesuatu cara atau tidak ;
 3. turut serta didalam permainan judi sebagai usaha.
- (2) Apabila orang yang bersalah melakukan kejahatan tersebut di dalam pekerjaannya, maka ia dapat dicabut haknya untuk melakukan pekerjaan itu.
- (3) Yang dimaksud dengan permainan judi adalah setiap permainan yang pada umumnya menggantungkan kemungkinan diperolehnya keuntungan itu pada faktor kebetulan, juga apabila kesempatan itu menjadi lebih besar dengan keterlatihan yang lebih tinggi atau dengan ketangkasan yang lebih tinggi dari pemainnya. Termasuk ke dalam pengertian permainan judi adalah juga pertaruhan atau hasil pertandingan atau permainan-permainan yang lain, yang tidak diadakan antara mereka yang turut serta sendiri di dalam permainan itu, demikian pula setiap pertaruhan yang lain.

Melalui pembacaan pasal 303 KUHP no. 1 di atas, sudah sangat cukup untuk memutuskan bahawa sememangnya karapan sapi sekarang sudah menjadi lahan usaha untuk perjudian yang diharapkan mendapatkan keuntungan besar daripada praktik batil tersebut. Bahawa perjudian dalam karapan sapi merupakan kejahatan yang diatur dalam pasal 303 ayat (1) KUHP jo. No. 7 tahun 1974.⁷⁷

KESIMPULAN

Sudah menjadi kewajiban setiap ulama yang menjadi pemimpin umat supaya selalu menjaga dan menunjukkan arah tujuan hidup yang sebenar. Masyarakat Madura yang selama ini asyik dengan pertandingan karapan sapi sehingga lalai dan mengikuti hawa nafsu bahkan terjerumus pada hal-hal negatif yang sangat membahayakan kehidupan dan nyawa mereka serta agama Islam.

Ternyata KH. Abdul Hamid sudah sejak lama berdakwah mengingatkan mereka supaya jangan terlalu tunduk mengikuti hawa nafsu yang menghancurkan seperti riya' secara khusus. Oleh itu, beliau dengan hikmah memberikan solusi kepada masyarakat supaya

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Sukamantara, "Perjudian Dalam Karapan Sapi", 45.

mereka kembali kepada aturan agama yang lurus dengan mengikut perintah Allah dan meninggalkan perkara yang ditegahnya. Meskipun ada pandangan beliau yang perlu dibaiki disebabkan menyelisihi pandangan ulama yang dijelaskan dalam kitab turath.

Selari dengan pandangan KH.Abdul Hamid bahawa Kitab Undang-Undang Hukum Pidanan (KUHP), pihak pemerintah terutamanya Bupati seluruh Madura, serta Majelis Ulama Indonesia (MUI) kabupaten Pamekasan, semuanya tidak menyelisihi apa yang beliau fatwakan dalam kitab *Tarjuman* tentang karapan sapi. Menunjukkan kearifan tempatan beliau sangat tinggi dan sesuai dengan keadaan masyarakat Madura. Justeru, jauh sebelum KUHP dibuat dan tentunya sebelum fatwa MUI dikeluarkan, fatwa beliau lebih dahulu mengawali semuanya dan diikuti oleh masyarakat.

RUJUKAN

- Admin of banyuanyar.com (2013). Accessed November 22, 2013.
<http://banyuanyar.com/profile-banyuanyar>
- Ajeng Ritzki Pitakasari (2012), Accessed Desember 09, 2018.
<https://www.republika.co.id/berita/senggang/seni-budaya/12/09/22/maqjh-zawawi-imron-dulu-karapan-sapi-tanpa-kekerasan>
- Al-Bayjuri, Al-Shaykh Ibrahim (1227H), *Hashiyat al-Shaykh Ibrahim Al-Bayjuri*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ali Hisyam, Muhammad. "Banyuanyar: Sebuah Stasiun di Pelosok Waktu". *Majalah Dinamika*. 2003.
- Al-Jazayri, Al-Shaykh 'Abd al-Rahman (1360 H), *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Astutik, Kurnia Fahmi dan Sarmini. "Budaya Karapan Sapi Sebagai Modal Sosial Masyarakat Madura Di Kecamatan Sepulu Kabupaten Bangkalan". *Jurnal Mahasiswa Unesa: Kajian Moral dan Kewarganegaraan* (2014).
- Bakhri, Mokh. Syaiful, *Syaichona Cholil Bangkalan Ulama dari Legendaris Madura*. Pasuruan-Indonesia: Penerbit Cipta Pustaka Utama, 2006.
- Fiqih Arfani/Laily Widya Arishandi (2013). Accessed Desember 08, 2018.
<https://www.antaranews.com/berita/409659/turis-inggris-jerman-kagumi-festival-karapan-sapi>
- Hamid, Abdul bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid. *Tarjuman*. Surabaya-Indonesia: Dar al-Saqqaq, 1980.
- HAMKA, *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Kerjaya Printing Industries Pte Ltd, 2002.
- Hariyanto, Erie. "Carok VS Hukum Pidana Indonesia (Proses Transformasi Budaya Madura Kedalam Sistem Hukum Indonesia)". *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture* (2007).
- Hasia. "Peranan Ikhlas Dalam Perspektif Al-Qur'an". *Jurnal Darul 'Ilmi: Rumah Jurnal Online IAIN Padangsidiimpuan* (2013).
http://library.binus.ac.id/Collections/ethesis_detail.aspx?ethesisid=2013-1-00388-IF
- Ibn Ibrahim Ali al-Shaykh' ed. al-Shaykh Saleh Ibn 'Abd al-'Aziz Ibn Muhammad, *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif - al-Kutub al-Sittah*, Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000.
- Imamuddin. "Solat Sunat Dalam Kitab Tarjuman Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin KH Abdul Hamid: Kajian Teks". Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2016.

- Juardi, Andi *et. all*, Aplikasi Game Racing “Balapan Karapan Sapi” Pada Smartphone Berbasis Android Dengan Menggunakan Libgdx Engine. Accessed May 19, 2022,
- Juhari, Imam Bonjol. “Ekonomi dan Prestise dalam Budaya Karapan Sapi di Madura”. *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture* (2016).
- Kamus Bahasa Indonesia*, Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional, 2008.
- Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Kosim, Mohammad, “Karapan Sapi; “Pesta” Rakyat Madura (Perspektif Historis-Normatif)”. *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture* (2007).
- Moh Bahri (2018), Accessed Desember 09, 2018.
<https://www.timesjatim.com/berita/47715/warga-di-bondowoso-gelar-ritual-Karapan-sapi-untuk-meminta-hujan>
- Mufid, Muhammad. “Konsep Riya’ Menurut Al-Ghazali”. Disertasi Sarjana Muda, Program Studi Aqidah dan Filsafat Islam Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta, 2018.
- Muhammad, Abu ‘Abdillah Shamsuddin ibn Qasim ibn Muhammad al-Ghazzi, *Fath al-Qarib al-Mujib fi Sharh Alfaz al-Taqrif*, Beirut: Dar Ibn Hazm, 1425 H./2005 M.
- Musthofa Bisri (2013), Accessed Desember 10, 2018.
<https://nasional.tempo.co/read/517236/bupati-se-madura-tak-setuju-karapan-sapi-rekeng>
- Nikris Riviansyah (2013), Accessed Desember 09, 2018.
<https://www.kompasiana.com/nikris/552e48c86ea834dd398b45cc/madura-dalam-keunggulan-budaya>
- Parwoto *et. all*. “Dampak Monopoli Garam Di Madura Pada Abad XX”. *MOZAIK: Jurnal Universitas Negeri Yogyakarta* (2015).
- Pratiwi, Amelia Ika *et. all*. “Akuntansi Karapan Sapi Pada Masyarakat Madura Dengan Pendekatan Etnografi”. *Jurnal JIBEKA: Jurnal Ilmiah Bisnis dan Ekonomi STIE Asia* (2016).
- PurWD/dbs (2009), Accessed Desember 08, 2018.
<http://www.voaislam.com/read/indonesia/2009/11/08/1635/aneh-meminta-hujan-dengan-menggelar-karapan-sapi/>;
- Robi Setiawan (2018). Accessed Desember 08, 2018. <https://travel.detik.com/travel-news/d-4261231/oktober-waktu-terbaik-melihat-lomba-karapan-sapi-di-madura>
- Rowe, Teracy. Kerapan Sapi di Madura: Pengaruh Motivasi Pemilik Sapi Pada Perubahan-Perubahan Sosio-Budaya Dalam Kerapan Sapi, Disertasi Sarjana Muda, Program Australian Consortium For In-Country Indonesian Studies Universitas Muhammadiyah Malang, 2001.
- Shindi, Mohammad Firzat. “Kontroversi Budaya Karapan Sapi Menurut Pandangan Agama (Kitab Fathul Qorib dan (Kitab Fathul Qorib dan Q.S Al-An'aam:Q.S Al-An'aam:138) dan Hukum Negara (pasal 302 ayat 1 dan 2 KUHP)”. SMA. A Wahid Hasyim Tebuireng Jombang, accessed May 19, 2022,
<https://xdocs.tips/download/kontroversi-budaya-karapan-sapi-menurut-pandangan-agama-kitab-fathul-qorib-dan-qs-al-anaam-138-dan-hukum-negara-pasal-302-ayat-1-dan-ayat-2-kuhpzo25l44l45om?hash=eeeea9b363bc4c4db9ab24609baf05bf>
- Sukamantara, R. Ardhi Eka. “Perjudian Dalam Karapan Sapi”. Disertasi Sarjana Muda, Fakultas Hukum Universitas Airlangga, 2006.
- Syarif, Zainudin, *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007.

Taufiqurrahman (2013), Accessed Desember 10, 2018.
<https://regional.kompas.com/read/2013/09/13/1157329/MUI.Haramkan.Karapan.Sapi.Model.Rekeng>.

Wahyudi, Muhtar *et. all. Madura: Masyarakat Budaya, Media, dan Politik.* Program Studi Ilmu Komunikasi Universitas Trunojoyo Madura, Puskakom Publik bekerjasama dengan Penerbit Elmatera, 2015.